

## Dr. Muhaya pernah berangan menjadi penghias muka depan majalah.

Oleh SYALMIZI HAMID

syalmizi.hamid@kosmo.com.my

**“A**WAK bertuah kerana satu-satunya wartawan lelaki yang saya terima untuk ditemu bual. Sebelum ini semuanya wanita,” usik Profesor Dr. Muhaya Mohamad kepada penulis ketika berkunjung ke rumahnya di Country Height, Kajang, Selangor baru-baru ini.

Nada gurauan bersahaja itu sudah menggambarkan bahawa Muhaya merupakan seorang wanita yang senang didekati biarpun namanya terukir besar sebaris wanita berjaya yang lain.

Ketika itu beliau baru sahaja tiba di kediamannya itu setelah selesai tugasnya sebagai pakar mata di Pusat Perubatan Prince Court, Kuala Lumpur.

Sebagai wanita yang sudah menginjak usia 54 tahun, Muhaya tidak nampak penat walaupun hari sudah hampir berganjak ke senja.

Beliau tidak lokek dan kekok, bahkan merendah diri. Nyata personaliti positif yang dididik sejak kecil itu menjadi pegangan buat ibu kepada dua orang cahaya mata itu sehingga kini.

Kosmo 19/2/12 MS SD.

Mengimbau zaman kanak-kanaknya, Muhaya bersama empat orang adik-beradiknya diasuh dengan cara tegas tetapi sarat pengajaran. Bapanya yang merupakan seorang askar banyak ‘memaksa’ Muhaya agar berdikari biarpun pada usia yang sangat mentah.

“Saya masih ingat ketika ayah menyuruh saya membeli setem sendiri masa umur tujuh tahun. Saya menolak kerana takut dan tidak yakin. Tetapi ayah tetap menyuruh. Saya tak boleh cakap takut, dia akan menekan dan ajar saya mengatasi ketakutan.

“Ayah selalu puji saya dan tidak pernah mengutuk personaliti. Kalau saya degil, ayah akan tegur dengan menggelar saya dengan panggilan budak bertuah.

“Ibu pula banyak mengajar kami bersederhana. Jika nasi semalam tidak habis, dia akan buat nasi goreng. Nasi sudah basi pun dia akan cuci untuk diberi ayam makan kerana tidak mahu membazir,” katanya yang sudah mengikuti kelas tuisyen sejak berusia lapan tahun.





Pakar mata  
kemas kini Facebook  
20 kali sehari

**Impian**

Ketika kecil, minat Muhaya terarah kepada bidang seni. Beliau banyak menyertai pertandingan pertunjukan fesyen, menjadi penari dan menggalas jawatan presiden persatuan nyanyian ketika menuntut di sekolah sebagai kepuasan diri.

Selain gemar tampil cantik di khalayak, Muhaya pernah memasang impian untuk menjadi penghias muka depan majalah wanita serta menjadi pramugari.

“Saya minat bidang peragaan dan sering menyertai pertandingan fesyen ketika di sekolah menengah.

“Ini termasuklah menyertai kumpulan tarian di sekolah rendah. Tetapi saya tidak pernah berita-cita menjadi artis.

“Ketika berusia 16 tahun saya pernah juga berangan nak jadi gadis penghias muka depan sebuah majalah.

“Tapi saya tidak pernah berusaha kerana sekadar berangan. Lagipun saya tinggal di Terengganu pada ketika itu yang jauh dari Kuala Lumpur.

“Ketika kanak-kanak lagi, saya sudah terbiasa dengan pentas. Dari situ saya membina keyakinan diri untuk yakin di depan khalayak,” katanya yang pernah mendapat pujian daripada pelakon 60-an, Allahyarham Ahmad Nisfu kerana pandai menari.

Biarpun minatnya dalam bidang seni menebal, namun Muhaya bijak memilih masa depan-nya.

Setelah tamat pengajian tingkatan enam di Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor, beliau meneruskan pengajian dalam bidang perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1979.

Dengan niat untuk membantu masyarakat, nama Muhaya kini bukan sahaja terkenal sebagai seorang pakar mata wanita yang berjaya bahkan motivasi dan se-



**MUHAYA (kiri) dan suami, Dr. Azmi Jamion (kanan) bersama dua orang anak mereka, Dr. Noor Aniah (tiga dari kiri) dan Dr. Noor Atiyah.**



**IPAD menjadi peneman setia Muhaya untuk mengemas kini Facebook.**

mangatnya ditagih oleh mereka yang memerlukan.

Mempunyai lebih 80,000 orang pengikut di laman sosial Facebook, saban hari Muhaya banyak berkongsi kata-kata mutiara buat rakan-rakan di laman sosial yang mula aktif pada setahun lalu.

Sejak diundang menjadi tetamu dalam salah satu segmen di

stesen radio Institut Kefahaman Islam Malaysia, IKIM FM, popularitinya melonjak.

Masyarakat mula memberi perhatian kepada Muhaya sehingga dalam sehari beliau menerima lebih 1,000 orang pengikut baharu di Facebook.

**Facebook**

Beliau akan mengemas kini akaun Facebook yang dibuka sejak setahun lalu itu di antara lima hingga 20 kali sehari.

Menggunakan gajet iPad, Muhaya akan mengemas kini statusnya dengan pelbagai kata-kata semangat yang antaranya merupakan idea dan pemerhatian beliau serta apa yang diperolehi daripada rancangan keagamaan yang ditontonnya.

Bagaimana beliau memperoleh idea untuk mengemas kini status dengan kata-kata bersifat ketuhanan dan motivasi itu?

“Saya banyak menonton rancangan berbentuk keagamaan antaranya seperti *Tanyalah Ustaz, Jalan Orang Mukmin* dan *Ha-*

*laqah*. Seterusnya saya akan memilih kata-kata yang sesuai untuk dikongsikan.

“Selalunya saya akan merakam rancangan tersebut dan menontonnya semula apabila ada ke lapangan. Merakamkannya lebih baik kerana saya tidak perlu membuang masa dengan menonton iklan.

“Selain itu, saya sendiri akan menterjemahkan apa yang saya lihat dan lalu sehari-hari ke dalam bentuk kata-kata hikmah seperti itu,” ujarnya yang sering menasihati pengguna Facebook dengan *tagline* ‘Jom Audit’.

*Tagline* tersebut bagaikan mengajak rakan-rakan Facebook memperbaiki diri ke arah yang lebih baik.

Jelas Muhaya, melalui Facebook juga beliau dapat mengenali personaliti seseorang.

“Misalnya status kemas kini yang berunsurkan negatif jelas menunjukkan yang dia adalah seorang yang negatif,” ujarnya yang mempunyai akaun peminat atas nama Prof Dr. Muhaya.

**EKSTRA**  
**Rutin pakar mata**

- Takut tidur berseorangan selain tidak tahu berenang.
- Akan bersenam di gimnasium mini di rumahnya atau berehat di dalam sauna sambil mendengar ceramah agama menerusi iPod.
- Gemar berkaraoke di rumah terutamanya lagu yang dinyanyikan lagu yang dinyanyikan duet bersama suaminya seperti lagu *Gelora, Dalam Air Terbayang Wajah* dan *Jangan Pisahkan*.
- Menerusi [www.assohwah.com](http://www.assohwah.com) peminat boleh menonton siri video tiga minit Muhaya bertajuk *Celik Mata Reset Minda*.
- Pernah mengadakan ceramah dalam rancangan *Reflection* di stesen AlHijrah, *Tanyalah Ustazah* (TV9), *Hello On 2* (TV2), *Motivasi Pagi* (TV3) dan *Islam Itu Indah* (IKIM FM).
- Mempunyai syarikat pengurusan motivasi atas nama As-Sohwah yang diuruskan oleh ahli keluarganya.

# Boleh terus memandu lepas bedah mata

SETIAP kali selesai menjalankan pembedahan mata *laser-assisted in situ* keratomileusis (Lasik) di Pusat Perubatan Prince Court, Kuala Lumpur, Dr. Muhaya Mohamad akan tersenyum puas.

Pelbagai ragam manusia telah beliau tempuhi sepanjang 21 tahun menjadi pakar mata. Ada yang yakin dengan kejayaan itu bahkan ada yang meragui keupayaan teknologi tersebut.

“Kadang-kadang ada pesakit yang tidak yakin dengan kaedah ini. Apabila dia merungut, ia turut menambah kesukaran kerja saya.

“Bukan sahaja dalam rawatan, bahkan dalam hidup seharian pun kita kena yakin untuk mencapai kejayaan. Berfikiran negatif itu sebenarnya menambah kesukaran kerja kita,” ujarnya kepada *Jurnal*.

Lasik yang diperkenalkan di hospital itu pada September 2008 memberi peluang kepada pesakit yang mengalami rabun untuk dapat melihat seperti manusia normal.

Rawatan itu telah membantu



**KAEDAH** rawatan mata dengan kaedah Lasik tidak menyakitkan, bahkan pesakit boleh terus melakukan rutin kerja tanpa mengenakan cermin mata sejurus selesai rawatan selama 15 minit.

beribu-ribu orang pesakit Muhaya termasuk golongan VVIP untuk melihat tanpa perlu memakai kaca mata lagi dalam tempoh rawatan singkat.

“Dalam sehari saya akan melakukan sekurang-kurangnya lima pembedahan Lasik ke atas pesakit yang mengambil

masa kira-kira 15 minit.

“Sejurus rawatan itu selesai mereka boleh melihat dengan jelas tanpa memakai cermin mata lagi. Ada pesakit saya yang terus memandu selepas membuat rawatan Lasik,” jelas Muhaya lagi.

Selain Lasik, kaedah *laser blended*

*vision* telah diperkenalkan di Pusat Perubatan Prince Court pada April 2010 bagi mengatasi masalah rabun jauh dan dekat secara serentak.

Maklumat lanjut mengenai Lasik boleh didapati dengan melayari laman [www.dr Muhaya.com](http://www.dr Muhaya.com) atau hubungi 03-2160 0332.